

18/09/2003

Adnan dibiarkan berseorangan godam Pas

Zainudin Isa

PEPATAH Melayu mengingatkan `kerana pulut santan binasa, kerana mulut badan binasa.' Bidalan itu menjelaskan kesan atau apa yang menyebabkan badan binasa, lantaran kekeluparan mulut. Mengenai perbuatan menjaga mulut atau berbahasa ini, budaya Melayu juga menyebut `bercakap malam dengar-dengar, bercakap siang pandang-pandang.'

Ini menggambarkan betapa tertibnya budaya Melayu lama. Ia masih dipertahankan oleh anak watan, meskipun kemajuan dan arus pemodenan sedikit sebanyak sudah menghakis sebahagian nilai murni ini.

Misalnya, dalam berpolitik budaya bertikam lidah, tuduh menuduh dan kata mengata juga sudah menjadi satu budaya, khususnya antara parti pemerintah dan pembangkang. Ada yang mengatakan tanpa semua itu, semacam janggal atau tidak cukup rencah, apatah lagi menjelangnya pilihan raya.

Terbaru, awal minggu ini, budaya bertikam lidah, dakwa mendakwa dan sangkal menyangkal membabitkan pemimpin politik, tercetus lagi. Seperti biasa, kenyataan Pemangku Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang yang menuduh polis sebagai syaitan bisu telah membuka gelanggang perdebatan ramai pihak.

Selepas berasa bahang kenyataannya itu, selang beberapa hari, Menteri Besar Terengganu itu menukar kenyataan awalnya bahawa syaitan bisu yang dimaksudkannya sebenarnya adalah ulama Umno.

Kemudian, Menteri Besar Kelantan yang juga Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat menyifatkan graduan universiti sekarang kebanyakannya tidak berakhlak. Selepas itu, giliran Abdul Hadi lagi yang mempertikaikan pengiktirafan Malaysia sebagai sebuah negara Islam dengan mendakwa pandangan cendekiawan Islam dan ulama Islam antarabangsa, termasuk Sheikh Al Azhar, Dr Mohammad Sayed Tantawi, mengenainya, adalah satu kesilapan besar.

Keadaan bertambah `panas' dan tegang apabila muncul Datuk Seri Adnan Yaakob, yang tanpa berselindung menggelar dua negeri pimpinan Pas - Kelantan dan Terengganu sebagai `Darul Munafikin', manakala ulama Pas pula sebagai ulama su' (ulama jahat).

Alasan Adnan konkrit. Katanya, Pas dulu yang memulakan kerja tuduh menuduh dan mengaibkan pemimpin Umno dan ulama hingga sanggup menggunakan Islam, al-Quran dan hadis untuk meraih keuntungan politik.

Adnan seperti yang dikenali sememangnya sering membuat kejutan dan kelantangannya kali ini menyusul selepas pemimpin Umno dan kerajaan sudah banyak kali dilabel sewenang-wenangnya oleh pemimpin Pas.

Baginya, pemimpin Umno sepatutnya membuang tabiat selesa dan tidak terlalu terikat dengan kaedah `bertahan', sebaliknya perlu `menyerang'. Seperti permainan bola sepak, serangan balas Adnan nyata berbisa hingga Pas nampaknya senyap seribu bahasa.

Menteri Besar Pahang itu membariskan label atau gelaran yang pernah dikeluarkan Pas terhadap Umno, daripada Umno kafir, Dr Mahathir maha zalim, maha firaun, MB Pahang samseng, MB `brutal' (ganas), hingga yang terbaru - `Pahang Darul Kasino'.

"Jadi sudah enam kali, saya baru beri (Pas) satu, jadi baru 6-1," katanya kepada sidang media Khamis lalu, sehari selepas menggelar kedua-dua negeri pimpinan Pas itu sebagai `Darul Munafikin'.

Namun, usaha menempelak dan membalas putar-belit pembangkang, Adnan rasanya tidak sepatutnya dibiarkan berseorangan. Ini kerana kebelakangan ini Pas sering menjadikan Pahang sebagai sasaran kritikan dan cemuhan mereka. Pahang mula dihentam Pas sebagai Darul Kasino yang berpunca daripada isu mesin slot di kawasan peranginan Bukit Tinggi, tidak lama dulu. Ini disusuli usaha menerbit dan mengedarkan cakera padat video (VCD) bertajuk `Skandal Balak Pahang' yang juga mencetus isu kontroversi, baru-baru ini.

Semua ini dijadikan bonus oleh Pas, tetapi di Pahang hanya Adnan yang tampil menyerang balas, sementara pemimpin lain dikatakan lebih selesa duduk di bangku `pemain simpanan'.

Di mana taring pemimpin Umno tempatan lain? Di mana biro penerangan parti bagi mematah segala hujah dan dalil Pas ini? Ketika soalan ini diajukan, Adnan ringkas menjawab: "Inilah mentaliti orang Umno. Bagi mereka sekarang bagaimana nak jadi ketua penaja bahagian, dapatkah jadi calon (pilihan raya), ahli exco, menteri besar dan menteri."

Apapun, ahli dan pemimpin politik tempatan di Pahang seharusnya tidak hanya tertumpu kepada soal jawatan dan pangkat saja, sebaliknya masanya sudah tiba berganding mengangkat agenda perjuangan.

Inilah masa yang sesuai. Umno boleh menyerang balas dengan membariskan janji manis Pas yang ditaburkan ketika kempen pilihan raya 1999 dulu yang rata-rata dikatakan masih belum tertunai.

Di manakah pula muka pemimpin atau ahli Yang Berhormat parti pembangkang yang juga dikatakan liat menjengah kawasan, serta segelintirnya juga mengamal gaya hidup mewah?

Bagi sesetengah pemerhati politik tempatan, kenyataan bertali arus pemimpin kerajaan dan pembangkang ini tidak lebih sebagai `warm up' menjelang pilihan raya umum. Ada juga yang berpendapat pertembungan Adnan dan pemimpin yang dikatakan ulama Pas itu `ibarat buku bertemu ruas.'

"Biasanya apabila Adnan menggodam, godamannya di luar jangkaan, biar pun dia beraksi secara solo," kata seorang veteran Umno yang meminati gaya politik Adnan.

Justeru, menurut pemerhati tadi, Adnan lebih sesuai duduk pada peringkat nasional, tapi "biarlah dia menyelesaikan tugasnya di Pahang dulu untuk menggodam pembangkang yang bercita-cita untuk menguasai negeri ini."

Namun, janganlah budaya tuduh menuduh oleh Pas yang mirip `siapa lebih Islam' ini akhirnya mencetus konflik agama. Apa yang kita bimbang, pertembungan mulut dan pergeseran politik yang berbahaya lebih pantas tercetus, bagai api dengan minyak apabila terselit di dalamnya konflik agama.